

# Bajet prihatin beri faedah kepada wanita

1312  
SEP 2002

Oleh **AMIRULLAH ANDI  
NUR**

## REAKSI BAJET 2003

KOTA KINABALU: Wanita di negara ini bakal menikmati faedah besar daripada Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata ini terbukti apabila majoriti peruntukan yang disediakan bagi pelbagai sektor termasuk pendidikan, perumahan dan kesihatan adalah bagi kepentingan golongan berkecuaian.

Malah, katanya, peruntukan khusus bagi pembangunan latihan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT), tidak terkecuali turut memberi keutamaan kepada mereka.

"Bajet 2003 yang dibentangkan kelmarin boleh dianggap sebagai mesra wanita kerana pada keseluruhannya golongan ini dilihat akan menjadi penerima faedah utama.

"Paling ketara sekali dari segi kesihatan, perumahan, pendidi-

kan, pemberian bonus untuk kaitangan kerajaan hinggalah kepada latihan dalam bidang ICT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melawat pejabat baru Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) cawangan Sabah, di Jalan Tuaran off Jalan Damai, dekat sini, semalam.

Shahrizat berkata, bajet yang dibentangkan Dr Mahathir kelmarin juga adalah bajet yang prihatin kepada keperluan dan pembangunan keluarga khususnya membabitkan ibu tunggal.

Katanya, keutamaan yang diberikan kepada ibu tunggal dalam permohonan perumahan, melambangkan kepekaan kerajaan bagi membantu golongan itu meningkatkan mutu hidup keluarga mereka.

"Kita berharap semua pihak berkuasa terbabit termasuk di peringkat negeri dan kerajaan tem-

patan dapat melaksanakan tanggungjawab itu dengan berkesan bagi memastikan usaha ini tercapai," katanya.

Shahrizat turut berharap wanita yang berminat menyertai bidang perniagaan khususnya industri kecil dan sederhana (IKS) tidak melengahkan hasrat itu kerana sekarang adalah peluang terbaik untuk mereka berbuat demikian.

Beliau berkata, peruntukan yang diberikan bagi program Umataman Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang adalah satu pembaharuan yang progresif dan mesra keluarga kerana mencakupi semua jabatan dan agensi kerajaan.

Dalam konteks ini, beliau menggesa sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut sama memberi komitmen serta menyokong usaha kerajaan mengutamakan keluarga di tempat kerja melalui pelbagai program sesuai.

"Dulu sektor swasta mengambil sikap sambil lewa terhadap usaha ini kerana dianggap tidak macho. Sekarang ini, kerajaan sudah melihat kesan kewangan melalui penganjuran program ini dan meminta swasta turut melaksanakannya.

"Kerajaan melihat perkara ini penting kerana kalau keluarga seseorang pekerja itu porak-peranda, sudah tentu akan mempengaruhi produktiviti dan ini sudah pasti akan mempengaruhi mereka di tempat kerja," katanya.

Shahrizat turut berharap sektor swasta akan mengikuti langkah perkhidmatan awam menambah cuti tanpa rekod daripada tiga hari kepada tujuh hari bagi suami ketika isteri bersalin serta cuti kematian selama tiga hari.